




Baca.
Reka.
Cemerlang.


LAPORAN TAHUNAN


2019



KANDUNGAN

Pengenalan	1	
.....		
Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan	2	
.....		
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	4	
.....		
Carta Organisasi	7	15
.....		Kecemerlangan Perkhidmatan
Ahli Lembaga Pengurusan	8
.....		24
Pengurusan	9	Aktiviti 2019
.....	
<i>Balanced Scorecard Pustaka</i>	10	26
.....		Kecemerlangan Kolaborasi
Kecemerlangan Pengurusan Ilmu	11
		27
		Kapasiti Organisasi
	
		30
		Anugerah & Pencapaian Organisasi
	
		32
		Penghargaan Kepada Kerjasama Pintar
	
		33
		Halatuju
	
		35
		Penyata Kewangan





Reka bentuk: Gambar lukisan garis yang mewakili bunga dandelion menandakan pengetahuan dan menggambarkan rangkaian ke semua arah.

Rasional: Seperti bunga dandelion mekar penuh, terbang ke udara dan tersebar ke semua arah ketika ditiup angin, begitulah Pustaka Negeri Sarawak berfungsi dan berusaha untuk menjangkau dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan secara digital, ke setiap pelosok negeri Sarawak, memberikan akses percuma dan mudah kepada pengetahuan untuk semua orang dalam era digital abad ke-21 ini ke arah pembelajaran sepanjang hayat.

Laporan Tahunan 2019
©2020 Pustaka Negeri Sarawak
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,
93050 Petra Jaya,
Kuching, Sarawak, Malaysia
T: +6 082 442000 F: +6 082 449944
E: librarian@sarawak.gov.my

www.pustaka-sarawak.com

Hak cipta terpelihara.

Tidak ada bahagian penerbitan ini yang dapat diterbitkan semula atau dikirimitkan dalam bentuk apa pun atau dengan cara apa pun, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi atau sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat apa pun, tanpa izin secara bertulis dari penerbit.

Untuk versi Bahasa Inggeris,
sila imbas kod QR di bawah.



Pengenalan



VISI

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan bagi negeri Sarawak.

MISI

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak.

OBJEKTIF

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.

Perutusan Pengerusi, Lembaga Pengurusan



YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo

Pengerusi Lembaga Pengurusan
Pustaka Negeri Sarawak

2019 adalah tahun yang ke dua penglibatan Pustaka secara aktif di dalam *Sarawak's Digital Economy Strategy*. Pustaka memainkan peranan penting dalam membantu rakyat Sarawak secara inklusif digital.

Kelas pendidikan untuk orang dewasa mengenai pengetahuan digital, dilaksanakan untuk membantu mereka menggunakan aplikasi teknologi untuk manfaat mereka. *People Accessible Network for Digital Empowerment and Inclusivity* (PANDei) adalah program inovatif yang digunakan untuk menjangkau masyarakat untuk menjadi celik digital.

Kakitangan terlatih diperkasakan untuk mendidik komuniti menggunakan modul yang PANDei.

Pada akhir tahun 2019, Pustaka telah memulakan pembelajaran dalam talian untuk modul PANDei agar lebih mudah diakses oleh pengguna.

Pada tahun 2019 Kabinet Negeri meluluskan reka bentuk dan konsep untuk bangunan arkib baru. Komponen utama bangunan ini adalah penyimpanan dan dapatan semula dokumen dan bahan arkib secara automatik. Pembinaan bangunan ini dijangkakan bermula pada tahun 2021.

Di peringkat nasional, Perpustakaan Negara telah mengakui keberkesanan program *Reading Seeds* kami, dan telah meningkatkan program ini untuk diperkenalkan di seluruh negara. Ianya sekaligus

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dapat meluaskan benih budaya membaca di kalangan ibu bapa di seluruh Malaysia. Jelas sekali, rumah adalah institusi pembelajaran yang utama.

Program ini diluaskan dan ianya menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai aktiviti mudah yang boleh dilaksanakan untuk keluarga dan komuniti. *“Reading Seeds Kit”* merupakan buku panduan lengkap untuk ibu bapa atau penjaga dengan instrumen yang tersedia untuk digunakan oleh masyarakat di dalam pergerakan meningkatkan masa depan pembaca.

Pustaka terus berinovasi dan gigih menelusuri sempadan geografi untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan akan terus menjadi pusat pengetahuan yang mengutamakan komuniti dengan menyediakan akses kepada sumber maklumat dan untuk memelihara warisan intelektual Sarawak. Di samping itu, kita juga tidak

lupa akan perlunya rekreasi dan cara hidup sihat. Taman kami sentiasa dijaga dan dipertingkatkan. Kami gembira melihat beratusan orang datang setiap hari memanfaatkan dan menggunakan kemudahan yang ada.

Baca. Reka. Cemerlang.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Dr. Hajah Rashidah Haji Bolhassan

Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak

Pada tahun 2019 semakan kedua *Sarawak State Library Ordinance 1999* telah berkuat kuasa pada 11 November 2019. Antara lain, ianya memberi fungsi baru kepada Pustaka, iaitu untuk menjalankan, mempromosikan penyelidikan serta latihan berkenaan dengan pengurusan arkib dan rekod, perkhidmatan perpustakaan atau lain-lain perkhidmatan yang berkaitan.

Dua penyelidikan telah siap dijalankan pada tahun 2019. Universiti Teknologi Mara, Sarawak, telah menjalankan penyelidikan yang mengkaji *Information Seeking Behaviour of the Rural Dwellers in Sarawak*, manakala penyelidik daripada *Swinburne University Technology of Sarawak*, menjalankan penyelidikan mengenai *Information Seeking Behaviours Among the State Civil Staff*

in Sarawak. Hasil penyelidikan ini digunakan untuk membantu Pustaka dalam menyelaraskan perkhidmatan yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan pengguna dan dimasukkan dalam Pelan Tindakan Strategik untuk tahun 2020.

Pustaka telah diberi kepercayaan untuk menerajui dua pameran negeri tahun lalu. Yang pertama adalah bersempena dengan Pameran Sambutan Hari Sarawak, yang diadakan di Bintulu, di Naim Bintulu Paragon dari 22-28 Julai. Bintulu dipilih untuk menjadi tuan rumah perayaan Hari Sarawak untuk memperingati mesyuarat pertama Majlis Negri yang diadakan di Bintulu pada 8 September 1867.

Pameran kedua mempamerkan kehidupan Tuan Yang Di-Pertua Negeri Sarawak (TYT) sebagai

Ketua dan pemerintah negeri Sarawak. Pameran ini diadakan di Pustaka Negeri Sarawak, Miri dan dirasmikan sendiri oleh Tuan Yang Di-Pertua Negeri Sarawak pada 13 Oktober 2019.

Tahun 2019 juga menampakkan pengiktirafan kepada dua program literasi Pustaka. Pertama, dengan kerjasama *Sarawak Multimedia Authority (SMA)*, Pustaka telah menghasilkan dan membangunkan kurikulum untuk literasi digital, yang dijenamakan sebagai Program PANDei (*People Accessible Network for Digital Empowerment and Inclusivity*). Program ini adalah salah satu pakej kluster Inklusiviti Digital yang mendokong Ekonomi Digital Sarawak. Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan komuniti celik digital, melalui pengembangan kemahiran dan kecekapan digital dan mempromosikan penyertaan yang inklusif di kalangan masyarakat Sarawak. 226 program dengan penyertaan seramai 20,133 dari kalangan komuniti, telah dilaksanakan di seluruh Sarawak pada tahun 2019. Menjelang suku terakhir tahun 2019, PANDei telah diluluskan oleh SMA untuk menggunakan platform pembelajaran dalam talian, yang bakal digunakan pada suku pertama 2020.

Kedua, inisiatif literasi keluarga Pustaka iaitu *Reading Seeds*, telah diterima pakai oleh Perpustakaan Negara Malaysia sebagai projek membaca nasional pada awal 2019. *Reading Seeds* adalah program kesedaran literasi dan perkembangan budaya membaca dikalangan keluarga, terutama sekali keluarga yang mempunyai anak yang masih di peringkat bayi lagi. Program literasi ini bertujuan untuk memberangsang ibu bapa ke arah budaya membaca, seimbang dengan perkembangan pertumbuhan fizikal dan kognitif bayi mereka.

Tahun 2019 menyaksikan Pustaka sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara

warisan dokumentari Sarawak. Kabinet Negeri telah meluluskan Pustaka sebagai sekretariat untuk mengurus warisan dokumentasi negeri untuk *Memory of the World* kepada Jabatan Warisan Negara.

Pustaka juga telah diperakui oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak untuk mengiktiraf Festival Sarawakiana sebagai acara tetap produk pelancongan, untuk kalendar pelancongan negeri.

Setiap tahun, kami melakukan dua kategori kajian kepuasan pelanggan; kategori pertama adalah kajian yang dilakukan untuk pengguna kami yang terdiri dari orang ramai yang mengunjungi kampus kami, dan kategori yang kedua adalah untuk pengguna kami dari agensi dan badan kerajaan. Secara keseluruhan, maklum balas dari pengguna kami memilih Pustaka sebagai Tempat (pertama), diikuti oleh Perkhidmatan (ke-2), Kawalan Peribadi (ke-3) dan Akses Maklumat (ke-4). Maklum balas ini digunakan sebagai input dalam merangka pelan tindakan kami selanjutnya.

Untuk Pelan Strategik 2019-2020, fokus kami adalah untuk memperhebatkan pendigitalan dan penggunaan platform pembelajaran dalam talian untuk mendidik komuniti mengenal aplikasi digital dan menjadikan Pustaka sebagai tempat ketiga di hati pengguna kami, selepas rumah, sekolah/ tempat bekerja. Kami berusaha merakyatkan program-program kami yang berlandaskan teknologi. Sebanyak 1,069 aktiviti telah diadakan dengan memanfaatkan seramai 493,314 orang pada tahun 2019.

Dalam memberi perkhidmatan kepada komuniti setempat, kami juga bangga menyumbang di arena kepustakawanan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Tuan Haji Japri Bujang Masli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) adalah ahli perintis *Offline Internet Committee, Arizona State University*; Puan Arpah Adenan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) adalah Pengerusi Jawatankuasa Pemandu K @ Borneo; Encik Wan Mazli Wan Razali, Ketua Sektor Pengurusan Korporat adalah *Presiden ASEAN Public Libraries Information Network (APLiN)*; dan Encik Razak Rambili, Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan adalah Pengarah untuk *American Corners, Sarawak*.

Saya sendiri kini menerajui Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia dan di platform antarabangsa, saya merupakan Ahli, *Literacy and Reading Standing Committee IFLA*; *Corresponding member for Indigenous Matters Standing Committee*, and *Co-Lead Editor for IFLA Journal Special Issue on Indigenous Matters*.

Pustaka telah mendapat beberapa penghargaan pada tahun 2019. Antara nya adalah:


- Anugerah Perak Setiausaha Persekutuan Sarawak 2019 – Kategori Agensi Utama Negeri
- Tempat ke 3 Sukan Perpustakaan Awam SeMalaysia (SPASM)
- Juara bagi *Mayor's Award* Halaman Lanskap Organisasi Kerajaan Tercantik (Miri)
- Anugerah Emas untuk Prodigy 6 dan Nadim, Kumpulan KIK Pustaka yang telah turut serta di dalam *Convention Team Excellent Sabah/Sarawak Zone*
- Prodigy 6 telah memenangi anugerah Gangsa di *Sarawak Invention, Innovation & Design and Exposition 2019 (SIIDEX)*
- Naib Johan bagi Kategori Perpustakaan Awam Anugerah Transformasi Komuniti U-Pustaka

- Prodigy 6 telah mendapat 5 Bintang dan *Industry Award 4.0* di *National Team Excellent Annual Productivity & Innovation Convention and Exposition 2019*
- dan PANDei telah dianugerahkan “*Outstanding Open Educational Resources (OER) Award*” anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia, UNIMAS, MEIPTA dan MyCel.

Tahun ini amat bermakna, terutama sekali dengan sokongan dari Kerajaan Negeri, dan bimbingan yang padu daripada Pengerusi dan ahli Lembaga Pengurusan. Saya dan barisan pengurusan menghargai sumbangan *Friends of Pustaka*, yang bermurah hati menyumbang dan menderma kepada koleksi Sarawakiana, bagi meningkatkan kandungan Sarawak. Akhir sekali, untuk semua staf Pustaka, terima kasih atas ketekunan dan kerja keras anda, yang terus bersinar dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna. Kami akan terus belajar dan menambahbaik perkhidmatan kepada semua pengguna kami.

An honour to serve

Carta Organisasi



Ahli Lembaga Pengurusan



YBhg. Tan Sri Datuk Amar
(Dr.) Haji Hamid Bugo
Pengerusi



YBhg. Datu
Laura Lee Ngien Hion
Timbalan Pengerusi



YBrs. Prof. Dr.
Shahren Ahmad Zaidi Adruce
Ahli



YBrs. Dr.
Rita Manurung
Ahli



YBhg. Datu
William Patrick Nyigor
Ahli



YB Cr. Ir.
Lo Khare Chiang
Ahli



YBrs. Puan
Maizan binti Ismail
Ahli



YBrs. Tuan Haji
Ismail bin Mohd Hanis
Ex-officio

Pengurusan



**Dr. Hajah
Rashidah Haji Bolhassan**
Ketua Pegawai Eksekutif



Japri Bujang Masli
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi)



Arpah Haji Adenan
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Perkhidmatan)



Nesly Rebid Abdullah
Ketua Sektor
(Perkhidmatan Perpustakaan)



Wan Mazli Was Razali
Ketua Sektor
(Pengurusan Korporat)



Hayati Haji Sabil
Ketua Sektor
(Perkhidmatan Depositori)



Hajah Salina Haji Zawawi
Ketua Sektor
(Pengurus Wilayah, Miri)



Fairul Azli Banchit
Ketua Sektor
(Pengurus Wilayah, Sibul)

Balanced Scorecard

Sejak 2017, Pustaka Negeri Sarawak telah mula menggunakan kaedah *Balanced Scorecard* untuk pengurusan strategik dalam mengenal pasti dan memperbaiki pelbagai fungsi dan proses dalaman. Laporan Tahunan Pustaka 2019 dibentangkan dalam lima segmen;

1. Maklumat Pengurusan,
2. Laporan Aktiviti Berdasarkan Pencapaian 3 Tema Strategik,
3. Keupayaan Organisasi,
4. Anugerah dan Pencapaian dan
5. Laporan Kewangan 2019.

Program yang dibentangkan dalam Laporan Tahunan 2019 ini dikategorikan mengikut sumbangan mereka terhadap 3 Tema Strategik, iaitu:



Kecemerlangan Pengurusan Ilmu

Migrated Archives

Projek *Migrated Archives* adalah inisiatif Pustaka Negeri Sarawak untuk memperoleh salinan rekod Negeri Sarawak yang disimpan di luar Sarawak atau Malaysia.

305 rekod
2748 helaian

Sarawak criminal cases records

33 rekod
33 helaian

Chinese garden purchased by Japanese (1925 - 1937)

1 rekod
95 helaian

Salinan : Penyata Jawatankuasa antara Kerajaan berkenaan Malaysia 1962



Peserta-peserta KEMPEN 1 FAIL 1 MINGGU Siri 3/2019 di Repositori Rekod Negeri pada 13 September 2019.

Kempen 1 Fail 1 Minggu

Kempen 1 Fail 1 Minggu memberikan panduan kepada Pegawai Rekod Jabatan tentang kaedah dan cara memproses rekod sebelum memindahkan rekod tersebut ke Repositori Rekod Negeri (SRR). Empat kempen telah dijalankan, yang telah menarik sebanyak 45 peserta dan berjaya menghasilkan pemindahan sebanyak 24,367 rekod oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan sepanjang tahun 2019.

2019	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH JABATAN	JUMLAH PESERTA	JUMLAH FAIL	JUMLAH REKOD	JUMLAH HELAIAN
	4	15	45	303	24,367	36,786

Kecemerlangan Pengurusan Ilmu

Pemindahan Rekod & Bahan Arkib

Sebanyak 126,506 rekod dan 1,222 fail telah berjaya dipindahkan oleh 32 buah jabatan dan agensi kerajaan di Sarawak.

126,506

Rekod

1,222

Fail

310 judul
1,148 kuantiti

Buku

131 judul
407 kuantiti

Bahan Bersiri

58 judul
125 kuantiti

Efemeral

155 judul
774 kuantiti

*Sarawak
Government
Gazette*

9 judul
17 kuantiti

*Unprinted
Items*

11 judul
14 kuantiti

Laporan

8 judul
12 kuantiti

Tesis

1 judul
3 kuantiti

Kertas Seminar

6 judul
10,360 kuantiti

Suratkhabar

Serahan bahan (SSLO 1999 CAP 29)

Penerimaan bahan terbitan untuk Januari-Disember 2019. Jumlah penerimaan tertinggi adalah merupakan buku iaitu sebanyak 1,148 naskah. Pada keseluruhannya terdapat 683 judul dan 2,503 naskah bahan yang telah diterima di bawah keperluan penyerahan bahan-bahan terbitan pada tahun 2019.

Sejarah Lisan


Projek ini mencatat memoir individu-individu yang pernah menjadi sebahagian daripada peristiwa tertentu yang amat penting dalam sejarah Sarawak. Individu-individu tersebut mungkin terlibat secara langsung dalam peristiwa-peristiwa tersebut ketika ia sedang berlaku ataupun berinteraksi dengan watak-watak tertentu dalam peristiwa dan masa tersebut. Maklumat yang mereka kongsi akan disalin dan digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Pustaka mula mengumpulkan Sejarah Lisan sejak tahun 2002 dan pada tahun 2019, sudah mempunyai 72 Koleksi Sejarah Lisan.



Sesi sejarah lisan dengan bekas-bekas pengakap *Sarawak Border Scouts* yang terlibat dalam Konfrontasi Indonesia Sarawak tahun 1963, yang dikendalikan oleh Alvaena Valentine pada 16 Julai 2019 di Lundu, Sarawak.




Kecemerlangan Pengurusan Ilmu



259,515

Pinjaman Bahan Perpustakaan

Jumlah buku fizikal yang dipinjam dari Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri).



255,438

Akses Digital


Jumlah muat turun dari laman web Pustaka Negeri Sarawak, pangkalan data yang dilanggan, e-buku, portal Sarawakiana dan e-Sarawak Gazette.



15,865

Soalan Rujukan yang Diterima & Dijawab


Jumlah soalan rujukan yang diterima dan dijawab di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri).



27,805

Akses Digital

Penggunaan dalaman bahan perpustakaan di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri).



PINJAMAN PUKAL


30

Agensi

16,258

Bahan Perpustakaan

Jumlah agensi dan buku yang dipinjam di bawah perkhidmatan pinjaman pukal di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri).



PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN


31

Permohonan diterima dan dibekalkan

39

Bahan perpustakaan diterima dari perpustakaan lain

Jumlah permohonan diterima dan dibekalkan melalui Pinjaman Antara Perpustakaan (Kuching dan Miri).



533,674

Jumlah Penggunaan Sumber Maklumat

Jumlah sumber maklumat yang digunakan di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri) dan Repositori Rekod Negeri.



133,820

Jumlah Ahli Aktif Tahun 2019

Bilangan ahli aktif Pustaka Negeri Sarawak (Kuching, Miri dan Sib).



4.0

Purata Penggunaan Sumber Maklumat oleh Pengguna Perpustakaan pada tahun 2019

Penggunaan sumber maklumat secara purata oleh pengguna di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri) dan Repositori Rekod Negeri.

Kecemerlangan Perkhidmatan



Taklimat Kesedaran Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan di Bintulu pada 14 Mac 2019

Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan

Sarawak State Library Ordinance, 1999, Section 15(1) and (2), Delivery of copies of library resources published in Sarawak

Penyerahan bahan-bahan terbitan merupakan satu keperluan di bawah undang-undang yang memperuntukkan setiap penerbit dan penulis untuk menyerahkan bahan terbitan mereka kepada Pusat Serahan dalam Negeri di mana terbitan tersebut dilakukan. Tujuan utama penyerahan bahan adalah untuk memastikan agar khazanah penulisan di negeri ini dapat dipelihara bukan sahaja untuk kegunaan penyelidik dan cendekiawan hari ini tetapi juga untuk generasi yang akan datang.

48

Aktiviti Penguatkuasaan

23

Jabatan Kerajaan

92

Peserta

Perkhidmatan Pendigitalan & Microfilm Negeri

57 gelung mikrofilem telah dihasilkan, dan 34,220 rekod kerajaan telah berjaya disimpan dalam bentuk mikrofilem.

57

Gelung

34,220

Imej Yang Telah Diproses (Rekod)

Kecemerlangan Perkhidmatan

Penggunaan Koleksi Arkib & Sarawakiana

Pada tahun 2019, sebanyak 667 bahan telah digunakan dan dirujuk oleh pengguna. Penggunaan koleksi tertinggi adalah rekod jabatan dengan jumlah keseluruhan 346 judul (51%), diikuti oleh koleksi Sarawakiana dengan 170 judul (25%) dan rekod diperolehi melalui Migrated Archives dengan 161 judul (24%).

PENGGUNAAN

161
24%

Migrated Archives

170
25%

Koleksi Sarawakiana

346
51%

Rekod Jabatan



Lawatan Khidmat Nasihat

Pustaka telah melakukan Lawatan Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod ke 10 jabatan dan agensi Negeri. Seramai 94 pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan fail dan rekod terlibat dalam sesi penasihat.

94

Peserta

10

Jabatan Negeri

Penilaian Rekod

Pustaka telah melakukan 16 Penilaian Rekod pada tahun 2019, dimana 1,574 fail pentadbiran dan fungsian telah dinilai.

1,574
Fail yang dinilai

16
Jabatan Negeri



Pelupusan Rekod Awam

Tahun 2019 juga menyaksikan Pelupusan Rekod Awam sebanyak 72,444 rekod dari 11 Jabatan Negeri.

72,444
Rekod

11
Jabatan Negeri

Kecemerlangan Perkhidmatan

Taklimat Pengurusan Rekod

Pustaka telah mengadakan 5 Taklimat Pengurusan Rekod pada tahun 2019.

164

Peserta

5

Jabatan Negeri



Kursus Pengurusan Rekod

14 Kursus Pengurusan Rekod telah dijalankan pada tahun 2019, yang melibatkan 477 pegawai dari pelbagai jabatan.

477

Peserta

152

Jabatan Negeri

Aktiviti-Aktiviti Yang Telah Dijalankan

Pustaka telah menganjurkan 10 Ceramah Sarawakiana, yang melibatkan 737 peserta, 4 Pameran Sarawakiana yang melibatkan 5,727 peserta, dan 1 Bengkel Pemuliharaan yang melibatkan 20 peserta pada tahun 2019.



Pameran Sarawakiana & Bengkel Pemuliharaan



PAMERAN SARAWAKIANA

'Sarawak Arts & Sculptures Exhibition' yang diadakan pada 14 Oktober 2019 - 31 Disember 2019 di Bilik Koleksi Khas, Pustaka Negeri Sarawak.



BENGKEL PEMULIHARAAN

Bengkel Pemuliharaan Seni Karya Pustaka Negeri Sarawak yang diadakan pada 11-15 Februari 2019 di 'Bilik Kursus', Rekod Repositori Negeri.

Statistik Perkhidmatan Atas Talian

Pada tahun 2019, Pustaka mencatatkan sebanyak 8,810 klik untuk penggunaan Portal Sarawakiana, dengan jumlah tertinggi dicatatkan pada bulan November (1,609). Bagi E-Sarawak Gazette, 4,086 klik dicatatkan dengan September mempunyai klik tertinggi pada 476.

8,810

Sarawakiana
Portal

4,086

E-Sarawak Gazette

Kecemerlangan Perkhidmatan

Koleksi Mengikut Klasifikasi Perkara

Bidang Sains Sosial menyumbang kepada jumlah koleksi terbesar, dengan 58,556 naskah bahan (19.7%). Manakala lain-lain menyumbang 53,964 atau 18.2% naskah bahan. Bidang Teknologi menduduki tempat ketiga dengan 45,472 naskah bahan (15.4%). Bersama-sama ini menyumbangkan 53.3% keseluruhan koleksi, manakala 8 lagi bidang perkara telah menyumbang sebanyak 46.7%. Bidang Falsafah mendapat peratusan terendah dengan 3%.

KLASIFIKASI PERKARA	KUCHING	SIBU	MIRI	JUMLAH	%
Lain-Lain	42,651	1,446	9,867	53,964	18.2
000 Sains Komputer	14,907	309	2,495	17,711	6
100 Falsafah	6,319	374	1,680	8,373	3
200 Agama	7,272	164	2,658	10,094	3.4
300 Sains Sosial	40,222	2,868	15,466	58,556	19.7
400 Bahasa	18,516	459	3,264	22,239	7.5
500 Sains	15,032	664	4,286	19,982	6.36
600 Teknologi	28,769	2,164	14,539	45,472	15.4
700 Seni	13,515	451	3,926	17,892	6.03
800 Kesusasteraan	16,411	940	9,148	26,499	9
900 Sejarah & Geografi	12,955	215	2,837	16,047	5.41
JUMLAH	216,569	10,094	70,166	296,829	100

Perolehan Sumber-Sumber Maklumat

Pemindahan arkib dan rekod dari agensi merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan sumber maklumat Pustaka, dengan 283,672 jumlah rekod (62.1%) atau 117% daripada jumlah pertumbuhan maklumat. Ini diikuti aktiviti pendigitalan dengan 126,165 (27.7%) salinan digital dihasilkan atau peningkatan pertumbuhan maklumat sebanyak 52%. Seterusnya ialah pemikrofileman dengan 34,220 (7.5%) mikrofilem. Secara keseluruhan, 456,204 bahan diperolehi melalui pelbagai kaedah dan strategi, menyumbang kepada peningkatan sumber maklumat sebanyak 187.8%.

283,672

Pindahan Bahan
Rekod & Arkib

126,165

Pendigitalan

34,220

Mikrofilem

7,425

Pembelian

1,714

Serahan Bahan

1,035

Hadiah dan
Pertukaran

925

Bahan Diwarisi

5

Kerjasama &
Konsortium

Analisis Mengikut Kategori Koleksi

KATEGORI	KUCHING	SIBU	MIRI	JUMLAH	%
Bahasa Melayu	17,228	788	11,653	29,669	10
Bahasa Inggeris	121,950	7,550	31,885	161,385	54.4
Bahasa Cina	289	18	40	347	0.13
Kanak-Kanak	22,006	1,600	21,003	44,609	15
Remaja	3,549	80	1,226	4,855	1.64
Koleksi Khas	22,303	15	812	23,130	7.8
<i>Special Needs</i>	841	42	1,276	2,159	0.73
Serahan bahan	18,292	1	2,271	20,564	6.9
Penerbitan Kerajaan	10,111	0	0	10,111	3.4
JUMLAH KOLEKSI	216,569	10,094	70,166	296,829	100

Kecemerlangan Perkhidmatan

ACTIVITI

1

BENEFICIARIES
SATISFACTION RATING
(Based on scale of 1-5)

ACTIVITI

2

RINGKASAN STATISTIK AKTIVITI & PESERTA


- Ceramah Komuniti
- Program Jangkauan Ilmu
- Bacaan Kegemaran Saya
- *American Corner*
- Lawatan/Aktiviti
- Aktiviti Cuti Musim Sekolah
- Sudut Belia
- *Makersmeet*
- Perkhemahan Ilmu
- *Sarawak Children's Festival*
- Ceramah Sarawakiana
- Taklimat Kesedaran
- Program SRR
- Literasi Maklumat & PANDei
- Pengurusan Rekod
- Lain-Lain

Penilaian Maklum Balas (Berdasarkan Skala 1-5)


Tinjauan Penilaian Maklumbalas dijalankan untuk menentukan kepuasan pelanggan dengan program yang diadakan. Penilaian kepuasan penerima terus meningkat, dengan skala sasaran 3/5 (60%) setiap tahun.

Secara keseluruhan, pada tahun 2019 penilaian maklumbalas pengguna adalah 99.31%.

Borang Penilaian Maklum Balas




Ringkasan Statistik Aktiviti & Peserta



Ringkasan Statistik Aktiviti & Peserta

Tahun 2019, 1069 aktiviti telah diadakan dan seramai 493,314 peserta.



Aktiviti 2019



Sarawak Children's Festival 2019

27 & 28 April
5 & 6 Disember

10,118
PESERTA



Jom Baca Bersama untuk 10 Minit

23 April



LET'S read together for



399,747
PESERTA






Makersmeet 2019

2-3 & 23-24
November

7,402
PESERTA

Kecemerlangan Kolaborasi



Dalam tahun 2019, 51 orang telah mendaftar sebagai ahli program Friends of Archives (FoA) dan 130 orang telah mendaftar untuk program Friends of Library (FoL) serta 61 kerjasama dengan Rakan Pintar.



51

Rakan Arkib

130

Rakan Pustaka

61


Rakan Pintar

Kapasiti Organisasi

6 Aktiviti Nilai
Bersama

82.29%

Keseluruhan Indeks



Ceramah
Komuniti:
Pelan Anti
Rasuah
Nasional
(8 April 2019)

9
Program

Integriti



Majlis Penghargaan
dan Perpisahan:
Persaraan Puan
Nesly (S48) dan
Encik Henry (S26)

Baik Hati
& Prihatin

18
Program



Bengkel Perancangan Strategik
(21-23 January 2019)

Profesionalisme

9
Program

Kapasiti Organisasi

Semangat Bersejara & Semangat Kepunyaan

63 Program

Hari Keluarga Pustaka (14-16 Disember 2019)



GawaiRaya (21 Jun 2019)



Orientasi Staf (20 November 2019)



Semangat Perpasukan

69 Program



Team Building Pustaka (27 Mac 2019)


Berorientasikan Hasil

17 Program


Kursus Pengurusan Stress (13-14 Mei 2019)




Jam latihan yang dicapai bagi tahun 2019




Kumpulan Pengurusan Profesional
(Gred 41 dan ke atas)



Kumpulan Pelaksana
(Gred 27-40)



Kumpulan Pelaksana
(Gred 1-26)



Anugerah & Pencapaian Organisasi



Peringkat Negeri

- Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS): Tempat Kedua Anugerah Perak Setiausaha Persekutuan Sarawak 2019 - Kategori Agensi Utama Negeri
- Anugerah High Performance Team: *Finalist for Reading Seeds and PANDei Projects*
- Anugerah Cabaran Inovasi Inklusif 2019: *Finalist for Reading Seeds and MUSA Projects*
- *Mayor's Award* for Halaman Lanskap Organisasi Kerajaan Tercantik: *Champion*
- *Mayor's Award for Youth, Culture, Arts and Sports Category*
- *Sarawak Invention, Innovation & Design Expo 2019 (SIIDEX 2019)* - Anugerah Gangsa



Peringkat Kebangsaan

- *Community Transformation Awards U-Pustaka Public Libraries Category (State/District/Branches/Local Authority/Community)*
- *International University of Carnival on E-Learning (UICEL) 2019: PANDei was awarded "Outstanding Open Educational Resources 9OER Awards"*
- *ICC Convention Prodigy 6: Industrial 4.0 & Gold Award Nadim: Silver Award*

Peringkat Antarabangsa (Penyertaan)

- *EIFL Public Library Innovation Award*
- *IFLA Green Library Award 2019*
- *UNESCO International Literacy Prizes - Confucius Literacy Prize*

Penghargaan Kepada Rakan Pintar

1	American Corner Sarawak	32	Normah Medical Specialist Centre
2	Angkatan Zaman Mansang (AZAM) Sarawak	33	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak
3	Arkib Negara Malaysia	34	Persatuan Bagi Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Sarawak (PERKATA)
4	City One Mega Mall	35	Perpustakaan Negara Malaysia
5	Danawa Resources Sdn. Bhd.	36	Persatuan Dalam Komuniti (PDK)
6	Dewan Bahasa Dan Pustaka	37	Persatuan Karyawan Sastera Sarawak (PEKASA)
7	Dewan Bandaraya Kuching Utara	38	Persatuan Penulis Sarawak (Penulis)
8	Dewan Undangan Negeri	39	Persatuan Pustakawan Sarawak
9	Dewanita	40	Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak
10	Friend of Archives	41	Pink Aerobik
11	Friends of Library	42	Port Dango
12	Harwood Timber Sdn. Bhd.	43	Sarawak Craft Council
13	Heart Treasures Sdn. Bhd.	44	Sarawak General Hospital
14	Information and Communication Technology Unit (ICTU), Jabatan Ketua Menteri	45	Sarawak Heritage Society
15	Institut Pendidikan Guru Kampus Batul Lintang dan Samarahan	46	Sarawak Information System Sdn Bhd (SAINS)
16	Islamic Information Centre	47	Sedidik, Sarawak Economic Development Corporation (SEDC)
17	Jabatan Kerja Raya (JKR)	48	Semua Media Cetak dan Media Elektronik
18	Jabatan Audit Negara Malaysia	49	Setiausaha Kewangan Negeri
19	Jabatan Hutan	50	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
20	Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak	51	Swinburne
21	Jabatan Ketua Menteri Sarawak	52	Tabung Ekonomi Gagasan Anak Serawak (TEGAS)
22	Jabatan Pendidikan Sarawak	53	Ted X Kenyalang
23	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak	54	Tun Jugah Foundation
24	Kumpulan Laman Komuniti Pustaka	55	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
25	Local Government Council Development	56	US Embassy Kuala Lumpur
26	Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU)	57	Universiti Institusi Teknologi Mara (UiTM) Sarawak
27	Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM)	58	Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri
28	Malaysia Productivity Corporation (MPC)	59	Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, Jabatan Ketua Menteri
29	Ministry of Education, Science and Technological Research	60	Unit Permodenan Perkhidmatan Negeri
30	Muzium Sarawak	61	Unit Protokol dan Perhubungan Awam
31	Mereka Yang Terlibat Secara Tidak Langsung Dalam Menjayakan Program dan Aktiviti Pustaka 2019	62	Unit Sumber Manusia Negeri
		63	Yayasan Salam

Halatuju




Projek pembinaan utama yang dipertanggungjawabkan untuk dilaksanakan oleh Pustaka adalah pembinaan bangunan arkib negeri. Bangunan ini bakal dilengkapi dengan sistem dapatan semula secara automatik (*Automated Storage and Retrieval Systems/ASRS*), dengan pusat pelawat yang akan menghubungkan arkib baru dan perpustakaan yang sedia ada. Kabinet Negeri Sarawak telah meluluskan reka bentuk projek ini pada 22hb Mei 2019, dan bangunan ini dijangka siap pada 2024.

Pustaka turut serta terlibat di dalam penyusunan projek Sistem Pengurusan Rekod Elektronik Negeri yang bakal menangani isu-isu berkaitan arkib e-rekod.


Perkhidmatan literasi kepada komuniti juga akan ditingkatkan dengan membina Sudut Bacaan Komuniti di rumah panjang, kampung-kampung dan balai raya-balai raya terpilih.

Pustaka Sibu akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2020, dan membuka pintu kepada awam. Ini mewujudkan satu lagi mercu kejayaan di wilayah tengah Sarawak.


Kami akan terus berinovasi, dan memainkan peranan penting di dalam memastikan inklusiviti digital penduduk Sarawak, dengan menjadi mereka sebagai pemain aktif di dalam agenda Ekonomi Digital Sarawak.



PENYATA KEWANGAN



KANDUNGAN



Senarai Ahli-Ahli Lembaga Pengurusan	37
Pegawai Yang Bertanggungjawab	38
Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengurusan	39
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan	40
Laporan Ketua Audit Negara	41-44
Penyata Kedudukan Kewangan	45
Penyata Pendapatan Komprehensif	46
Penyata Perubahan Ekuiti	47
Penyata Aliran Tunai	48
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	49-65

SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

Pengerusi	: YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
Timbalan pengerusi	: YBhg. Datu Laura Lee Ngien Hion
Ahli-ahli lembaga pengurusan	: YBrs. Pn Maizan Bt Ismail Perpustakaan Negara Malaysia
	: YBrs. Dr. Rita Manurung
	: YBrs. Prof. Dr. Shahren Ahmad Zaidi Adruce Universiti Malaysia Sarawak
	: YBhg. Datu William Patrick Nyigor
	: YB Ir. Lo Khere Chiang
Ahli <i>ex-officio</i>	: YBrs. Tuan Haji Ismail Bin Haji Mohd Hanis Pengarah Unit Sumber Manusia Negeri

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Ketua Pegawai Eksekutif	:	Dr. Hajah Rashidah Haji Bolhassan Ketua Pegawai Eksekutif
Alamat Berdaftar	:	Jalan Pustaka Off Jalan Stadium Petra Jaya 93050 Kuching Sarawak
Juruaudit	:	Ketua Audit Negara
Bank Utama	:	RHB (Malaysia) Berhad Jalan Kulas 93400 Kuching

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**PENYATA Pengerusi dan Seorang
Ahli Lembaga Pengurusan**

Kami, TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAJI HAMID BUGO dan DATU LAURA LEE NGIEN HION yang merupakan pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengurusan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurusan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PUSTAKA NEGERI SARAWAK pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,



TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAJI
HAMID BUGO
Pengerusi
Lembaga Pengurusan



DATU LAURA LEE NGIEN HION
Ahli
Lembaga Pengurusan

KUCHING, SARAWAK.
Tarikh: 05-10-2020

KUCHING, SARAWAK.
Tarikh: 02-10-2020

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, DR. RASHIDAH HAJI BOLHASSAN (610429-13-5070) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di KUCHING, SARAWAK
pada 05 haribulan 10.....2020



Di hadapan saya,



~~DESURUHJAYA SUMPAAH~~
JULIUS SCOTT ANAK SAPONG
2nd Class Magistrate
Kuching District Office
State of Sarawak, Malaysia.

Yuran Surat Sumpah RM 4.00

No. Resit Bayaran.....³⁰³²⁵⁹ / btki **05 OCT 2020**

No. Surat Sumpah..... /
Pejabat R. & D Bahagian Kuching

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PUSTAKA NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan****Pendapat**

Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti yang dinyatakan pada muka surat 9 hingga 29, telah diaudit wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pustaka Negeri Sarawak pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), *The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* dan *The Sarawak State Library Ordinance, 1999*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pustaka Negeri Sarawak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengurusan Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), *The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* dan *The Sarawak State Library Ordinance, 1999*. Lembaga Pengurusan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak, Lembaga Pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pustaka Negeri Sarawak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pustaka Negeri Sarawak.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengurusan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengurusan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pustaka Negeri Sarawak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak memberi gambaran yang saksama.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengurusan berdasarkan *The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* serta *The Sarawak State Library Ordinance, 1999* dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(THOMAS ANAK PAUL BILUN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

KUCHING, SARAWAK

TARIKH: 19 NOVEMBER 2020



PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	7	36,509,710	24,735,307
Aset Semasa			
Tunai dan kesetaraan tunai	8	97,227,505	44,559,773
Penghutang dan prabayaran	9	972,911	951,641
Jumlah Aset Semasa		98,200,416	45,511,414
Jumlah Aset		134,710,126	70,246,721
Ekuiti			
Surplus terkumpul		26,810,953	19,379,926
Rizab modal		283	283
Jumlah Ekuiti		26,811,236	19,380,209
Liabiliti Bukan Semasa			
Manfaat pekerja	12	210,932	338,701
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	10	9,252,452	5,132,407
Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri	11	97,903,694	45,395,404
Percukaian		531,812	-
Jumlah Liabiliti Semasa		107,687,958	50,527,811
Jumlah Liabiliti		107,898,890	50,866,512
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		134,710,126	70,246,721

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
Hasil kendalian	13	60	82
Lain-lain hasil	14	2,487,751	2,023,491
Geran Kerajaan Negeri	15	40,291,711	33,452,843
Kos pekerja	16	(12,183,751)	(10,834,702)
Susut nilai	7	(924,594)	(947,600)
Lain-lain kos operasi	17	(21,708,338)	(18,252,226)
Surplus daripada operasi		<u>7,962,839</u>	<u>5,441,888</u>
Percukaian	18	(531,812)	-
Surplus bersih daripada operasi		<u><u>7,431,027</u></u>	<u><u>5,441,888</u></u>

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Rizab Modal RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2019	283	19,379,926	19,380,209
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	7,431,027	7,431,027
Pada 31 Disember 2019	<u>283</u>	<u>26,810,953</u>	<u>26,811,236</u>
	Rizab Modal RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2018	283	13,938,038	13,938,321
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	5,441,888	5,441,888
Pada 31 Disember 2018	<u>283</u>	<u>19,379,926</u>	<u>19,380,209</u>

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Surplus daripada operasi		7,962,839	5,441,888
Pelarasan untuk:			
Geran pembangunan		(4,860,398)	(4,936,223)
Peruntukan manfaat pekerja		24,907	68,578
Susut nilai loji dan peralatan		924,594	947,600
Pendapatan faedah		(2,194,048)	(1,722,871)
Keuntungan daripada aset tetap yang dilupuskan		(842)	-
Pelupusan loji dan peralatan		1,054	-
<i>Keuntungan/(Kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja</i>		<i>1,858,106</i>	<i>(201,028)</i>
Penambahan dalam penghutang dan prabayaran		(50,603)	(139,121)
Penambahan dalam pemiutang		4,120,045	1,991,714
<i>Tunai dari aktiviti operasi</i>		<i>5,927,548</i>	<i>1,651,565</i>
Pembayaran manfaat pekerja		(152,676)	-
<i>Tunai bersih dari aktiviti operasi</i>		<i>5,774,872</i>	<i>1,651,565</i>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Penempatan deposit tetap		(1,148,932)	(1,713,664)
Faedah diterima		2,223,381	1,722,871
Pembelian loji dan peralatan		(12,700,428)	(9,894,521)
Perolehan dari pelupusan loji dan peralatan		1,219	-
Geran pembangunan diterima		57,368,688	9,857,421
<i>Tunai bersih dari/ (digunakan dalam) aktiviti pelaburan</i>		<i>45,743,928</i>	<i>(27,893)</i>
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		51,518,800	1,623,672
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		14,958,422	13,334,750
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	8	66,477,222	14,958,422

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****1. AKTIVITI UTAMA**

Di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999 – (Chapter 19)" Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) berperanan seperti berikut:-

- (a) Menyediakan maklumat terkini, tepat, sesuai dan mudah diakses dalam pelbagai format sebagai bahan utama untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial Negeri dan warganya.
- (b) Membangun dan menyumbang kepada pangkalan data bibliografi yang sesuai dengan bahan rujukan yang diterbitkan di Sarawak.
- (c) Menjadikan Pustaka sebagai pembekal maklumat Negeri Sarawak.
- (d) Menyertai rangkaian perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di peringkat nasional dan antarabangsa.
- (e) Menyediakan persekitaran pembelajaran melalui program dan pameran yang dianjurkan supaya dapat menambah kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan maklumat dan mengajar tentang kemahiran penyelidikan maklumat.
- (f) Mengurus dan mentadbir Depositori Negeri dan berfungsi sebagai Pusat Rekod Awam Negeri juga.
- (g) Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara arkib awam Negeri.
- (h) Mempromosi amalan pengurusan rekod dan arkib Negeri secara efektif dan efisien.
- (i) Menubuhkan, menyelenggara dan mengurus pusat rekod.
- (j) Menyedia latihan dan tunjuk ajar dalam pengurusan rekod awam dan arkib awam.

2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB).

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pengurusan risiko kewangan Pustaka adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi di samping menguruskan kadar faedahnya dan kecairan. Pustaka beroperasi dengan garis panduan jelas mengikut "*The Sarawak State Library Ordinance, 1999*". Pustaka juga tidak mengambil bahagian dalam transaksi spekulasi.

(a) Risiko Kadar Faedah

Risiko utama kadar faedah berhubung hutang faedah, memandangkan Pustaka tidak mempunyai jumlah besar aset berfaedah jangka panjang pada 31 Disember 2019. Pelaburan dalam aset kewangan pada lazimnya untuk jangka pendek dan ianya tidak dipegang atas tujuan spekulasi.

(b) Risiko Kecairan

Pustaka sentiasa menguruskan profil hutang matang, aliran tunai operasi dan kesediaan bantuan kewangan untuk memastikan bahawa semua keperluan bayaran balik dan bantuan kewangan dapat dipenuhi. Sebagai pengurusan kecairan berhati-hati, Pustaka telah mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi permintaan modal kerja. Pustaka juga berusaha untuk mengekalkan kedudukan kecairan pada tahap yang munasabah kepada keseluruhan kedudukan hutangnya.

4. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah.

Pengurusan telah menggunakan anggaran dan andaian dalam mengukur jumlah aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan serta amaun hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Pertimbangan dan andaian yang digunakan dalam pengukuran, dan dengan itu, keputusan sebenar mungkin bertepatan dengan jumlah yang dilaporkan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidaktentuan anggaran penting dinyatakan dalam Nota 6.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Buku Perpustakaan

Buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

(b) Loji Dan Peralatan

Aset nyata operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan bagi pengeluaran dan pembekalan barang dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau disewa kepada orang lain diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila Pustaka memperoleh kawalan aset. Aset, termasuk alat ganti utama, peralatan yang diservis, dan peralatan gentian, dikelaskan ke dalam kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian berikutnya bagi komponen penting dalam aset yang sedia ada dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen yang lama tidak lagi diiktiraf.

Semua loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian tambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk digunakan pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan (termasuk peruntukan bagi membaik pulih dan kos pemeriksaan utama) tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai. Susut nilai diperuntukan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap harta di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kaedah pengiraan susut nilai telah diubah dari asas tahunan ke asas bulanan mulai dari tahun 2001.

Loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh didapatkan balik jika amaun yang boleh didapatkan balik kurang dari nilai buku bersih. Amaun yang boleh didapatkan balik adalah amaun yang lebih tinggi antara harga jualan aset bersih atau amaun yang digunakan.

Kadar-kadar tahunan susut nilai adalah seperti berikut:-

Kelengkapan Pejabat	20%
Perabot dan Peralatan	10%
Komputer dan Aksesori	20%
Kenderaan	20%
Pengubahsuaian Bangunan	10%

Kerja dalam proses tidak disusut nilai sehingga ia boleh digunakan.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(c) Geran Kerajaan Negeri

Pustaka tidak mengiktiraf geran kerajaan termasuk geran bukan kewangan pada nilai saksama, sehingga ada jaminan yang munasabah bahawa Pustaka akan mematuhi syarat-syarat yang disertakan bersama-sama geran dan geran tersebut akan diterima.

Geran Kerajaan Pustaka termasuk bantuan Kerajaan untuk penyediaan dalam projek-projek sosial di kawasan yang belum dibangunkan yang mungkin tidak mempunyai syarat-syarat yang khusus berkaitan dengan aktiviti operasi Pustaka.

Semua geran Kerajaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan secara sistematik sepanjang tempoh di mana Pustaka mengiktiraf sebagai perbelanjaan kos berkaitan yang mana geran adalah bertujuan untuk membayar ganti rugi. Apa-apa baki yang belum diiktiraf dalam untung atau rugi dikira sebagai pendapatan tertunda seperti liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

Geran yang berkaitan dengan aset bukan kewangan dan geran lain yang diterima tetapi belum diiktiraf dalam untung atau rugi ditunjukkan sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus sepanjang hayat berguna aset yang berkaitan atau berdasarkan syarat-syarat bantuan yang diterima, yang mana berkenaan.

i. Geran Operasi

Geran Operasi diterima untuk aktiviti operasi atau penyelenggaraan aktiviti – aktiviti dan dikredit ke Penyata Pendapatan.

ii. Geran Pembangunan

Geran Pembangunan diterima untuk aktiviti projek pembangunan atau penyelenggaraan projek pembangunan dan dikredit ke Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri di bawah Liabiliti Semasa.

(d) Cukai Tertanggung

Peruntukan dibuat berdasarkan kaedah liabiliti untuk cukai tertanggung disebabkan perbezaan masa, kecuali ada kemungkinan perbezaan masa akan berterusan pada masa hadapan. Perbezaan masa yang menyebabkan baki cukai tertanggung didebitkan tidak akan dicatat melainkan ada jangkaan yang munasabah untuk merealisasikannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(e) Kemudahan Kakitangan

Pustaka mengiktiraf tanggungan apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa depan dan perbelanjaan apabila Pustaka menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

i. Kemudahan jangka pendek untuk kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar serta cuti sakit, bonus dan faedah/kemudahan bukan dalam bentuk wang untuk kakitangan adalah diambil kira di dalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan Pustaka.

ii. Pelan caruman tetap

Caruman Pustaka kepada skim/kumpulan wang tetap adalah dicajkan kepada penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku. Tanggungan Pustaka adalah dianggap tamat sebaik pembayaran caruman dibuat.

Menurut peruntukan undang-undang, agensi-agensi di Malaysia perlu membuat caruman kepada Skim Pencen sama ada Kumpulan Wang Amanah Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman tersebut dianggap sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku.

6. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Ketidakpastian anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Antara item yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran penting Pustaka adalah dalam mengukur: (a) peruntukan; (b) susut nilai hartanah, loji dan peralatan.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****6. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN
(sambungan)****(a) Pengukuran Peruntukan**

Pustaka menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman sejarah Pustaka dan input lain atau andaian, perkembangan semasa dan peristiwa masa hadapan yang secara munasabahnyanya dalam hal keadaan tertentu. Jika kewajipan adalah untuk diselesaikan lebih masa, aliran keluar dijangka didiskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko bahawa keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini akan membawa kesan yang besar ke atas kedudukan kewangan dan keputusan organisasi.

(b) Susut nilai loji dan peralatan

Kos sesuatu item loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus atau kaedah lain yang sistematik yang mencerminkan konsumsi manfaat ekonomi aset sepanjang hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi daripada loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan dan kerugian atas pelupusan akhir item loji dan peralatan.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**7. LOJI DAN PERALATAN**

Tahun 2019 Kos	Kelengkapan Pejabat		Perabot dan Peralatan		Komputer dan Aksesori		Kenderaan		Pembaharuan Bangunan		Kerja dalam proses		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1.1.2019	2,678,174	973,078	3,015,696	270,896	93,105	22,478,209	29,509,158							
Tambahan	452,823	142,269	1,616,728	-	54,800	10,433,808	12,700,428							
Pelupusan	(21,703)	(5,224)	(6,739)	-	-	-	(33,666)							
Pada 31.12.2019	3,109,294	1,110,123	4,625,685	270,896	147,905	32,912,017	42,175,920							
<u>Susut nilai</u>														
<u>terkumpul</u>														
Pada 1.1.2019	2,004,359	656,994	1,835,188	215,814	61,496	-	4,773,851							
Tambahan	274,209	58,427	546,721	34,537	10,700	-	924,594							
Pelupusan	(20,710)	(4,994)	(6,531)	-	-	-	(32,235)							
Pada 31.12.2019	2,257,858	710,427	2,375,378	250,351	72,196	-	5,666,210							
<u>Nilai buku bersih</u>														
Pada 31.12.2019	851,436	399,696	2,250,307	20,545	75,709	32,912,017	36,509,710							

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**7. LOJI DAN PERALATAN (sambungan)**

Tahun 2018	Kelengkapan Pejabat		Perabot dan Peralatan		Komputer dan Aksesori		Kenderaan		Pengubahsuaian Bangunan		Kerja dalam proses		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<u>Kos</u>														
Pada 1.1.2018	2,553,224	922,314	2,965,337	270,896	93,105	12,809,761	19,614,637							
Tambahan	124,950	50,764	50,359	-	-	9,668,448	9,894,521							
Pada 31.12.2018	2,678,174	973,078	3,015,696	270,896	93,105	22,478,209	29,509,158							
<u>Susut nilai terkumpul</u>														
Pada 1.1.2018	1,673,504	604,775	1,313,211	181,276	53,485	-	3,826,251							
Tambahan	330,855	52,219	521,977	34,538	8,011	-	947,600							
Pada 31.12.2018	2,004,359	656,994	1,835,188	215,814	61,496	-	4,773,851							
<u>Nilai buku bersih</u>														
Pada 31.12.2018	673,815	316,084	1,180,508	55,082	31,609	22,478,209	24,735,307							

Bangunan Pustaka Negeri Sarawak, Kuching dan Pustaka Negeri Sarawak, Miri adalah hakmilik Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan *Sarawak State Library Ordinance, 1999, Part II, No. 6. Ownership of State Library Property*; "All properties, movable or immovable, for the use of the State Library or to enable the State Library to undertake or fulfill its statutory functions and powers and to provide the services envisaged under this Ordinance, shall be the property of the Government, and may, if so directed by the *Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*, be vested in the name of the Council or such other body as the *Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri* may determine.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	2019 RM	2018 RM
Wang tunai	916	435
Tunai di bank	57,806,837	6,592,814
Simpanan tetap di bank berlesen	39,419,752	37,966,524
Jumlah	97,227,505	44,559,773

Kadar faedah pada tarikh pelaporan adalah 3.35% hingga 4.30% (2018: 3.30% hingga 4.15%) setahun dan deposit tetap tempoh matang 33 (2018: 33)hari.

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk perkara-perkara berikut bagi tujuan Penyata Aliran Tunai:-

	2019 RM	2018 RM
Tunai dan kesetaraan tunai	97,227,505	44,559,773
Tolak: Simpanan tetap yang mempunyai tempoh matang melebihi 3 bulan	(30,750,283)	(29,601,351)
Jumlah	66,477,222	14,958,422

9. PENGHUTANG DAN PRABAYARAN

	2019 RM	2018 RM
Penghutang	681,693	655,216
Prabayaran:		
Insuran	175,430	208,566
<i>On-line Database and Magazine</i>	-	1,469
<i>Security System Tag</i>	76,290	77,610
Lain-lain prabayaran	39,498	8,780
Jumlah	972,911	951,641

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****10. PEMIUTANG**

	2019	2018
	RM	RM
Lain-lain pemiutang	7,844,753	4,392,664
Deposit dan wang tahanan	1,407,699	739,743
Jumlah	9,252,452	5,132,407

11. PENDAHULUAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI

Tahun 2019	Baki 1.1.2019	Terimaan	Perbelanjaan	Baki 31.12.2019
	RM			RM
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	91,227	200,000	289,203	2,024
(b) Pembangunan Koleksi Am	-	2,400,000	2,209,643	190,357
(c) Pembangunan Taman Awam dan Landskap	382,070	200,000	263,749	318,321
(d) Pustaka Sibru	31,211,906	11,000,000	-	42,211,906
(e) Pemuliharaan Bahan-bahan Arkib dan Program	450,570	725,000	876,855	298,715
(f) <i>Digitising Equipment of Microfilms Government Record</i>	100	-	100	-
(g) <i>Research On Reading Habits</i>	73	-	-	73
(h) <i>State Archive Building</i>	5,798,751	40,000,000	-	45,798,751
(i) <i>Microfilm and Digitization of Documents</i>	1,228,286	275,000	1,220,848	282,438
(j) Aset - Kelengkapan Pejabat	493,049	336,319	-	829,368
(k) Aset - Perabot & Peralatan	101,320	342,117	-	443,437
(l) Aset - Komputer & Aksesori	1,076,641	1,545,052	-	2,621,693
(m) Aset - Pengubahsuaian Bangunan	2,800,000	345,200	-	3,145,200
(n) Aset - <i>ICT Component Sibru</i>	1,761,411	-	-	1,761,411
	45,395,404	57,368,688	4,860,398	97,903,694

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****11. PENDAHULUAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI (sambungan)**

Tahun 2018	Baki	Terimaan	Perbelanjaan	Baki
	1.1.2018			31.12.2018
	RM	RM	RM	RM
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	153,770	200,000	262,543	91,227
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,702,886	2,400,000	4,102,886	-
(c) Pembangunan Taman Awam dan Landskap	573,829	200,000	391,759	382,070
(d) Pustaka Sibiu	31,211,906	-	-	31,211,906
(e) Pemuliharaan Bahan-bahan Arkib dan Program	-	550,000	99,430	450,570
(f) <i>Digitising Equipment of Microfilms Government Record</i>	100	-	-	100
(g) <i>Research On Reading Habits</i>	73	-	-	73
(h) <i>State Archive Building</i>	5,798,751	-	-	5,798,751
(i) <i>Microfilm and Digitization of Documents</i>	1,032,891	275,000	79,605	1,228,286
(j) Aset - Kelengkapan Pejabat	-	493,049	-	493,049
(k) Aset - Perabot & Peralatan	-	101,320	-	101,320
(l) Aset - Komputer & Aksesori	-	1,076,641	-	1,076,641
(m) Aset - Pengubahsuaian Bangunan	-	2,800,000	-	2,800,000
(n) Aset - <i>ICI Component Sibiu</i>	-	1,761,411	-	1,761,411
	40,474,206	9,857,421	4,936,223	45,395,404

12. MANFAAT PEKERJA

	2019	2018
	RM	RM
Gantian cuti rehat		
Bawa ke hadapan	338,701	270,123
Perbelanjaan manfaat pekerja	24,907	68,578
Pelarasan	(152,676)	-
Dibawa ke hadapan	210,932	338,701
Jangka pendek	-	-
Jangka panjang	210,932	338,701

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****13. HASIL KENDALIAN**

	2019 RM	2018 RM
Servis maklumat niaga	<u>60</u>	<u>82</u>

14. LAIN-LAIN HASIL

	2019 RM	2018 RM
Denda	26,803	27,478
Auditorium	41,435	39,695
Bilik seminar/mesyuarat/diskusi/konferan	53,016	53,866
Galeri pameran	33,266	42,000
Kafeteria dan kedai buku	21,600	21,600
Faedah dari simpanan tetap	2,194,048	1,722,871
Lain-lain hasil	117,583	115,981
Jumlah	<u><u>2,487,751</u></u>	<u><u>2,023,491</u></u>

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****15. GERAN KERAJAAN NEGERI**

	2019 RM	2018 RM
Geran Operasi	35,431,313	28,516,620
Geran Pembangunan	4,860,398	4,936,223
Jumlah	40,291,711	33,452,843

16. KOS PEKERJA

	2019 RM	2018 RM
Perbelanjaan manfaat pekerja	24,907	68,578
Gaji dan elaun	10,629,604	9,384,022
KWSP	1,091,852	1,014,952
PERKESO	5,524	4,859
Subsidi	111,073	120,340
Pakaian seragam	36,501	35,932
Perubatan	284,290	206,019
Jumlah	12,183,751	10,834,702
Bilangan kakitangan	183 orang	171 orang

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****17. LAIN-LAIN KOS OPERASI**

	2019	2018
	RM	RM
Pengawal keselamatan	364,740	342,906
Perbelanjaan pejabat	737,287	552,825
Pengangkutan dan perjalanan	848,847	381,124
Pencetakan	139,662	348,989
Penyelenggaraan <i>Security System Tag</i>	103,320	105,035
Penyelenggaraan bangunan	1,488,089	1,645,220
Elaun Ahli Lembaga Pengurusan	201,000	100,000
Keraian dan jamuan awam	296,416	167,430
Latihan	440,333	495,314
Insuran	407,549	406,123
Elektrik	1,125,722	1,093,698
Air	33,332	28,975
Telefon	106,265	87,929
Perhubungan awam dan pemasaran	191,963	118,221
Honorarium	33,505	25,626
Pembersihan bangunan	354,116	378,265
Sewa	71,760	64,963
Baki dibawa ke bawah	6,943,906	6,342,643

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****17. LAIN-LAIN KOS OPERASI (sambungan)**

	2019	2018
	RM	RM
Baki dibawa ke hadapan	6,943,906	6,342,643
Yuran profesional	6,715	8,000
Penyelenggaraan taman dan landskap	868,243	685,578
Yuran audit	4,500	4,500
<i>Online Database</i>	704,424	700,000
Majalah dan Jurnal	177,714	179,139
Penyelenggaraan koleksi	18,599	31,686
<i>Acquisition of Sarawakiana materials</i>	318,675	209,721
Servis komunikasi awam	122,484	94,361
<i>Legal Deposit</i>	175,220	287,000
<i>Record Management</i>	230,077	199,623
<i>Archive Management</i>	410,256	411,862
Kempen membaca	484,816	248,676
<i>Outreach programme</i>	428,178	248,235
<i>Leasing/ rental of multimedia computers</i>	211,386	237,870
<i>Angkasa Library System Maintenance</i>	147,915	112,631
<i>ICT professional services</i>	380,974	298,143
<i>Support and Maintenance of Platform Equipment</i>	197,119	279,978
<i>Dedicated Internet Access</i>	103,456	105,673
<i>Support and Maintenance of Wireless LAN</i>	90,000	99,745
<i>Support and Maintenance SRR Platform Equipment</i>	125,186	130,687
<i>Maintenance Union Catalogue Sarawak</i>	220,423	169,909
<i>Support and Maintenance CCTV, Fingerprint</i>	96,424	93,419
<i>Angkasa Library System Perpustakaan Awam</i>	249,244	191,452
<i>State KM Portal</i>	64,130	99,633
Perbelanjaan pembangunan	4,860,398	4,936,224
Lain-lain perbelanjaan	4,067,876	1,845,838
Jumlah	21,708,338	18,252,226

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****18. PERCUKAIAN****Peruntukan cukai**

Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 127 (3)(b) telah memberi pengecualian cukai pendapatan kepada Pustaka Negeri Sarawak berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1999.

Peruntukan cukai dibuat berdasarkan faedah deposit tetap sahaja.

Cukai tertangguh

Peruntukan sementara amaun boleh cukai/dibenarkan sebagai tolakan cukai adalah tidak matan untuk diambil kira sebagai aset/liabiliti cukai tertangguh.

	2019 RM	2018 RM
Perbelanjaan cukai pendapatan	531,812	-

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan yang boleh digunakan untuk lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan efektif Pustaka adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Surplus sebelum cukai	7,962,839	5,441,888
Cukai dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 24% (2018: 24%)	1,911,081	1,306,053
Kesan cukai daripada:		
- perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	(1,379,269)	(1,306,053)
	531,812	-

PUSTAKA NEGERI SARAWAK
(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2019****19. MATA WANG FUNGSIAN**

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Pustaka.

20. KOMITMEN MODAL

	2019 RM	2018 RM
Perolehan dan pengembangan loji dan peralatan	<u>287,000,548</u>	<u>287,000,548</u>
Jumlah perbelanjaan modal diluluskan oleh Lembaga Pengurusan		
- yang belum dikontrak	270,029,149	275,777,927
- yang telah dikontrak	16,971,399	11,222,621
Jumlah perbelanjaan modal yang diluluskan	<u>287,000,548</u>	<u>287,000,548</u>



Pustaka Negeri Sarawak (2000)



Pustaka Miri (2002)



Repositori Rekod Negeri (2007)



Pustaka Sibul (2020)



PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia
T: 6 082 442000 F: 6 082 449944
E: librarian@sarawak.gov.my

www.pustaka-sarawak.com